

PEMAHAMAN HADITH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA: KAJIAN DALAM MEDIA SOSIAL DI MALAYSIA

Amran Abdul Halim, Abdulloh Salaeh, Walid Mohd Said, Syed Najihuddin Syed Hassan,
Nidzamuddin Zakaria, Mohd Fauzi Mohd Amin, Amiruddin Mohd Sobali
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: amranabdulhalim@usim.edu.my

ABSTRAK

Sunnah Nabawiyah atau hadith adalah sumber rujukan kedua yang utama dalam Islam. Sumber berkenaan telah dinyatakan melalui al-Quran dan hadith malah sarjana Muslim juga turut bersepakat bahawa hadis Nabi berkenaan memainkan peranan penting dalam proses penetapan sesuatu hukum. Peranannya adalah sebagaimana penggunaan al-Quran dalam penentuan hukum hakam dan syariat Islam. Oleh itu, penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti serta mengupas isu-isu salah faham hadith yang mengelirukan masyarakat di Malaysia. Penulis cuba meneliti dan menganalisis isu-isu tersebut melalui media sosial seperti artikel, laporan akhbar Malaysia dan lain-lain yang berkaitan isu-isu salah faham hadith di Malaysia. Antara sebab berlakunya kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap hadith ialah dengan berkembangnya teknologi, masyarakat mendapat dan mentafsir maklumat mengenai hadith tanpa merujuk ahli agama, menggunakan logik akal dalam penafsiran hadis, memahami hadis tanpa mengambil kira maqasid, salah faham terhadap pendekatan kontekstual dan lain-lain. Hasil dari penulisan ini diharap dapat membantu penyelidik khususnya serta umat Islam amnya dalam memahami hadith-hadith Rasulullah saw. Juga disarankan agar merujuk kepada kitab-kitab atau sumber hadith yang muktabar serta para rujukan dari kalangan ulama dan juga dapat menyedarkan masyarakat serta membantu mereka dalam memahami hadith-hadith Rasulullah saw dan intipati kandungannya untuk diamalkan dengan cara yang betul.

Kata Kunci: Salah faham, Kontekstual, Media Sosial, Maqasid.

PENGENALAN

Sunnah Nabawiyah atau hadith adalah sumber rujukan kedua yang utama di dalam Islam. Hal ini kerana sumber berkenaan telah dinyatakan melalui, al-Quran dan hadith malah sarjana Muslim juga turut bersepakat bahawa hadis Nabi berkenaan memainkan peranan penting dalam proses penetapan sesuatu hukum. Peranannya adalah sebagaimana penggunaan al-Quan dalam penentuan hukum hakam syariat islam. Tetapi disebabkan faktor-faktor yang tertentu kesucian hadith telah diancam dan perkara tersebut telah mengakibatkan hadith yang wujud pada hari ini menjadi pelbagai status yang mana terdapat hadith yang sahih, hasan, dha'if, dan yang palsu. Oleh itu, tidak semua perkara yang berkaitan dengan hadith atau sunnah semestinya betul kerana boleh jadi sumber yang digunakan tidak boleh digunakan sebagai hujah atau keterangan. (Mohd Farhan Md Ariffin, 2016)

Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah dan hambaNya di muka bumi ini. Tugas sebagai khalifah untuk mentadbir bumi dibekalkan dengan al-Quran dan Al-Hadith sebagai panduan.

Ianya adalah di antara nikmat terbesar yang dikurniakan Allah s.w.t kepada umat ini iaitu menerima harta pusaka Rasulullah s.a.w, wahyu al-Qur`an dan al-hadith yang menjamin daripada kesesatan selagi kita berpegang teguh dengan kedua-duanya. Hadis-hadis telah diterima dan dijaga oleh para sahabat seterusnya sampai kepada kita hari ini. Para ulama telah menulis dan membukukan hadis dengan pelbagai metode yang membuktikan kepada kita bahawa mereka sudahpun memiliki metodologi dalam kajian dan penulisan mereka.

Kedudukan hadith sebagai sumber kedua syariat Islam telah diakui oleh Al-Quran, hadith itu sendiri dan juga ulama-ulama Islam dari masa lalu hingga kini. Kepentingannya tidak dapat dinafikan tanpa hadis manusia yang tidak dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran Allah yang terkandung dalam Al-Quran. Perkembangan ilmu sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa dan tidak akan terhenti sehinggalah berlakunya hari kiamat. Manusia sentiasa memerlukan pengetahuan kerana dengan pengetahuan itu mereka akan menjadi lebih dekat satu sama lain dengan pencipta mereka.

Menurut Imam Ahmad Ibn Hanbal *al-Sunnah* adalah merupakan tafsiran, penerangan atau huraian maksud bagi ayat-ayat al-Qur'an¹. Segala kesamaran, sama ada yang umum dan sebagainya, atau segala maksud yang tersirat yang susah difahami oleh umat Islam, maka *al-Sunnah* yang akan mengkhusus dan menjelaskan dengan lebih terperinci. Oleh yang demikian umat Islam tidak dapat melaksanakan ajaran Islam dengan sempurna seandainya tidak berpandukan kepada *al-Sunnah*. Seandainya al-Qur'an tidak memerlukan penjelasan dari hadith-hadith atau *al-Sunnah*, bagaimanakah cara-cara untuk kita mengerjakan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan lain-lain, walaupun kesemua perkara tersebut dinyatakan dalam al-Qur'an?

Terdapat dalil atau bukti yang menunjukkan al-Qur'an memerlukan pentafsiran, penjelasan atau penerangan dari Rasul Allah SAW iaitu sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya: "Kami turunkan kepada kamu al-Qur'an, agar kamu menjelaskan kepada umat manusia terhadap apa yang diturunkan kepada mereka agar mereka berfikir".

Surah al-Nahl: 44

Penjelasan dan penerangan Rasul Allah SAW adalah dengan perkataan, perbuatan atau *taqrir* (persetujuan) Baginda SAW terhadap perkataan dan perbuatan para sahabat, yang mana semuanya ini adalah diistilahkan dengan *al-Sunnah* atau hadith.

Al-Sunnah adalah merupakan wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril AS. Sebahagiannya melalui ilham kepada Nabi SAW, dan ada juga yang merupakan ijtihad Nabi SAW hasil pengetahuan baginda dalam ilmu al-Qur'an, kaedah-kaedah syariat dan lain-lain kelebihan yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad SAW.²

Oleh yang demikian, semua masyarakat Islam yang dianggap sebaik-baik umat, iaitu umat Nabi Muhammad SAW, tanpa mengira bangsa, keturunan, pangkat atau warna kulit, diseru supaya patuh dan taat terhadap apa-apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, sama ada *al-Sunnah* itu merupakan wahyu ataupun ijtihad Nabi SAW, sebagaimana yang dapat difahami dari maksud firman Allah S.W.T.:

¹ Abu Syahbah Muhammad ibn Muhammad, *Difa' 'an al-Sunnah* (Beirut: Dar al-Jil, 1991), 13.

² Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan bid'ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 2.

Maksudnya: "*Dan dia (Muhammad) tidaklah memperkatakan melalui hawa nafsu semata-mata, melainkan ia adalah wahyu yang diutuskan kepadanya*".

Surah *al-Najm* (53): 3-4

Maksudnya: "*Segala apa yang dibawa oleh Rasul hendaklah kamu ambil, dan segala yang dilarang olehnya maka hendaklah kamu jauhinya*".

Surah *al-Hasyr* (59): 7

Ayat di atas berkaitan dengan kewajipan menerima segala syariat dan sunnah yang disampaikan oleh Rasul Allah SAW dan larangannya ialah menjauhi segala tegahan atau apa-apa yang tidak disyariatkan oleh Rasul Allah SAW.

Isu-Isu Salah Faham Hadith Di Malaysia

Pemahaman tentang ilmu hadith adalah penting untuk menghasilkan penafsiran yang betul mengenai hadith. Menurut Ibnu Qayyim dalam kitab *al-Ruh* menjelaskan bahawa umat Islam seharusnya memahami dari Nabi SAW apa yang di maksudkannya tanpa melampaui dan mengurangkan dan jangan sekali-kali memahami ucapan Nabi saw dengan kefahaman yang tidak boleh dipertanggung jawabkan dan jangan mengurangi daripada maksudnya dan daripada apa yang dikehendaki oleh Rasulullah saw daripada petunjuk dan penjelasan.

Menurut Yusuf Al-Qardawi (2006), terdapat lapan disiplin yang diperlukan untuk memahami suatu hadis. Antaranya ialah, memahami hadis berdasarkan al-Quran, menghimpunkan hadis yang berkaitan dalam satu tajuk, mentarjihkan hadis yang kelihatan bercanggah, memahami hadis berdasarkan asbab al-wurud, membezakan wasilah yang berubah dan tujuan yang tetap, memisahkan perkara yang hakiki dan simbolik, memahami antara yang ghaib dan nyata serta memastikan makna sebenar bagi lafaz hadis.

Salah Faham Tentang Hadith Lalat



OFFICIAL WEBSITE
MUFTI OF FEDERAL TERRITORY

Language :   Others
Theme Color:   
Text Size: 

HOME INTRODUCTION SERVICES ARTICLES SOURCES FALAK CONTACT US

Bayan Linnas
Irayad Fatwa
Al Kefi li al-Fatawi
Irayad al-Hadith
Irayad Uul Fiqh
Tahqiq al-Masail
Al-Afkar
Bayan Li al-Haj
Taahih al-Mafahim

Home » Articles » Bayan Linnas »
BAYAN LINNAS SIRI KE-165: LALAT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH: AMTHAL, KAJIAN SAINTIFIK DAN JAWAPAN TERHADAP SALAH FAHAM

BAYAN LINNAS SIRI KE-165: LALAT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH: AMTHAL, KAJIAN SAINTIFIK DAN JAWAPAN TERHADAP SALAH FAHAM

Details
Uploaded by Admin PMWP
Published: 06 February 2019

Bayan Linnas



Mukadimah

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Illahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Kami merasa teranggil untuk menjawab isu lalat sekalipun amat remeh pada sebahagian orang. Tetapi sebenarnya isu ini dinyatakan dalam nas al-Quran dan Hadis sama ada dalam bentuk *amthal* atau perumpamaan. Begitu juga berkaitan hukum yang ada kena mengena dengan kehidupan manusia. Justeru, dalam menjelaskan salah faham berkenaan dengan fakta lalat yang dilihat semata-mata membawa virus atau penyakit kepada manusia, pada saat yang sama penyelesaian yang ditunjukkan oleh Hadyun Nabawi agak berbeza dengan prasangka dan fahaman orang ramai pada zaman kini yang

Lalat merupakan sejenis serangga yang boleh terbang, yang makan dengan memuntahkan air liurnya keluar dan menyerap kembali makanan yang separuh hadam masuk ke dalam perutnya melalui belalainya.

Ia merupakan sejenis serangga yang mampu menyebarkan penyakit, disebabkan cara permakannya dan sifatnya yang sering terbang ketempat yang kotor seperti dalam tandas, tempat sampah dan sebagainya. Ia juga termasuk dalam salah satu jenis serangga makhluk perosak yang paling mudah dijumpai (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2019).

Oleh kerana lalat merupakan agen yang membawa penyakit, maka nabi SAW menyuruh agar di'neutral'kan racun yang ada pada lalat sekiranya ia terjatuh di dalam air. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Apabila lalat termasuk ke dalam bekas salah seorang daripada kamu, maka rendamkanlah kesemuanya (lalat) kemudian buanglah ia. Ini kerana, salah satu daripada sayapnya adalah penawar dan sebelah lagi adalah penyakit.” Riwayat al-Bukhari (5782)

Pada hadith tersebut terdapat I’jaz Ilmi kerana ilmu moden telah membuktikan bahawa wujudnya penyakit di salah satu daripada sayap lalat dan wujud juga penawar di sebelah lagi sayap yang lain.

Sehubungan dengan itu, apabila dirujuk kepada hadith nabi SAW didapati bahawa nabi SAW menyuruh agar ‘segera’ ditenggelamkan lalat yang jatuh ke dalam air. Hikmah daripada menenggelamkan lalat itu dengan segera adalah supaya bakteria yang bermanfaat dapat mengeluarkan ‘bahan’ yang boleh mematikan segala bakteria lain yang membawa mudharat yang terdapat pada lalat dan seterusnya dapat menjadi penawar dan ubat.

Ketidakmampuan dan ketidakfahaman menyebabkan ada pihak yang menolak kebenaran hadith ini. Dr Yusuf al-Qaradhawi dalam kitab *Fatawa Mu’asirah*, menjawab pihak yang menolak hadith ini. Antara hujah beliau ialah:

- a) Pihak berkenaan tidak sepatutnya menolak hadith ini dan hadith-hadith lain hanya disebabkan teksnya yang bertembung dengan logik akal manusia. Percanggahan yang berlaku di sini bukan berpunca daripada hadith itu. Tetapi, ia berpunca daripada kemampuan akal manusia. Setiap orang yang mengambil berat terhadap ilmu-ilmu moden begitu menghormati akal fikiran mereka.
- b) Pandangan yang menyatakan, tiada sebarang rawatan penyakit menggunakan lalat dalam bidang perubatan adalah pandangan tidak tepat. Saya sendiri mempunyai sumber-sumber rujukan lampau yang menjelaskan, terdapat rawatan perubatan terhadap beberapa penyakit yang menggunakan lalat. Contohnya pada kurun ke-13 rawatan terhadap masalah Fraktur Multipleks dan kereputan kritikal dilakukan menggunakan lalat.
- c) Hadith ini menyatakan kepada kita berkenaan perkara ghaib mengenai kewujudan racun pada lalat. Sedangkan perkara ini masih belum ditemui oleh sains moden secara pasti, melainkan pada dua kurun yang lalu. Sebelum penemuan ini, para saintis mampu sahaja mendustakan hadith Nabi SAW ini kerana mereka tidak menemui sebarang mudarat pada lalat. Kemudian, selepas mereka mendapati kewujudan bakteria-bakteria pada serangga itu, mereka kembali membenarkan hadith ini.
- d) Sesiapa yang mendapati lalat jatuh ke dalam bekas minumannya, lalu dia berasa jijik menggunakannya, dia tidak perlu meminumnya. Ini kerana, Allah SWT tidak pernah membebankan seseorang itu melainkan terhadap apa yang dia mampu dilakukan.
- e) Hadith ini tidak pernah menyuruh sesiapa pun menangkap lalat dan meletakkannya di dalam bekas minuman. Hadith ini juga tidak menggesa kita supaya membiarkan bekasbekas makanan dibiarkan terdedah. Bahkan, hadith ini tidak menyuruh seseorang itu mengabaikan kebersihan rumah dan jalan raya, serta penjagaan tempat tinggal daripada dimasuki serangga itu.

Walaupun lalat hanyalah seekor serangga yang kecil, namun makhluk ciptaan Allah ini sangat unik. Ia sekaligus membuka ruang kepada manusia untuk berfikir dan merenung kehebatan dan kekuasaan Allah SWT.

Salah Faham Hadith Berkaitan Pemakanan Sunnah

Apabila disebut tentang pemakanan sunnah, ramai yang membayangkan produk-produk makanan atau suplemen yang mengandungi buah kurma, buah zaitun, buah tin, buah delima, dan habbatus sauda. Sememangnya terdapat hadith Nabi Muhammad SAW mengenai fadilat makanan tersebut. Misalnya, Nabi SAW menyatakan bahawa antara makanan terbaik adalah *habbah al-Sawda'* yang boleh menjadi penawar bagi pelbagai jenis penyakit melainkan *al-Sam* (mati). Terdapat juga tempat di dalam al-Quran yang menyebut tentang makanan sunnah misalnya buah tin, buah zaitun, dan buah kurma. Contohnya dalam surah tin, Allah bersumpah dengan buah tin dan zaitun:

“Demi buah tin dan zaitun” (Surah At-tin:1)

Namun, disebabkan kedangkalan dan salah faham masyarakat terhadap pengetahuan hadis, hadis dan nas-nas yang bersangkutan paut dengan pemakanan dijadikan sandaran untuk mengambil suplemen atau melakukan amalan diet dengan makanan yang dikatakan makanan sunnah. Malah, terdapat makanan sunnah yang memudaratkan sama sekali seperti Jus al-Sunnah yang dilaporkan mengandungi bahan kimia terlarang seperti steroid (Awani, 2018).



Rajah 2: Jus Al-Sunnah yang mengandungi bahan kimia memudaratkan.

Antara bentuk salah faham lain terhadap pemakanan sunnah dalam masyarakat Islam di Malaysia adalah menganggap semua barang makanan yang bercop halal adalah baik (Ahmad, Yakub, Yusoff, & Ariffin, 2015). Kebanyakan anggota masyarakat mengambil pendekatan selagi terdapat logo halal pada makanan, maka tidak menjadi masalah untuk mengambil makanan atau produk tersebut. Sementara kita digalakkan untuk mencari makanan yang halal, kita juga digalakkan untuk mengambil makanan yang *'thayyiban'* iaitu makanan yang baik. Pengambilan makanan yang halal tetapi tidak sihat seperti mi segera, makanan tinggi kandungan gula, makanan ringan, tidak selari dengan konsep makanan *'halalan thayyiban'* yang dianjurkan oleh Islam. Malah, masyarakat mengambil sebarang makanan diyakini halal tetapi cara

pemakanan tidak mengikut cara pemakanan Nabi Muhammad SAW yang makan hanya apabila lapar dan berhenti sebelum kenyang.

Menurut Khader Ahmad (2015), masyarakat Malaysia mendefinisikan “*makanan sunnah*” sebagai semua makanan yang berasal dari al-Quran dan Hadis ataupun makanan yang diproses dengan membaca selawat keatas Nabi dan makanan yang dibacakan ayat-ayat al-Quran. Perkara seperti ini sebenarnya tidak ada asalnya dalam hadis mahupun al-Quran. Allah ada menyebut dalam surah al-Baqarah ayat 172 yang bermaksud, “*Wahai orang-orang Yang beriman! makanlah dari benda-benda Yang baik (yang halal) Yang telah Kami berikan kepada kamu*”. Ayat ini menjelaskan bahawa Allah menyuruh kita mengambil makanan yang halal dan baik sahaja.

Berkaitan makanan sunnah pula, terdapat segelintir masyarakat menganggap makanan sunnah seperti buah delima, madu, kismis dan kurma sahaja. Hal seperti inilah yang menjadi salah faham masyarakat terhadap sesuatu hadis kerana masyarakat kini bersifat “*mudah luntur*” dengan perkataan sunnah. Walhal perkara tersebut tidak pernah diasaskan oleh Rasulullah saw. Untuk meluruskan kesalahfahaman ini, masyarakat perlulah peka terhadap setiap maklumat yang didapati. Tidak boleh menerima seratus peratus sebelum mengkaji sama ada maklumat tersebut sahih atau sebaliknya.

Menurut Khader Ahmad (2015) pemahaman paling tepat berkaitan makanan sunnah ialah makanan yang membawa kebaikan kepada manusia sama ada yang disebutkan dalam al-Quran, Hadis ataupun yang tidak disebutkan dalam keduanya asalkan baik dan halal. Itulah sebenarnya makanan sunnah.

Salah Faham Penyamatarafan Wanita Dan Haiwan

Selain salah faham hadis tentang pemakanan sunnah, terdapat salah faham hadis penyamatarafan wanita dan haiwan yang digunakan untuk mengangkat perjuangan feminisme. Hadis tersebut dipetik daripada artikel yang ditulis oleh Norhasnira Ibrahim dan lain-lain (Ibrahim, Hamisan, & Yabi, 2018) yang ditemui dalam banyak kitab muktabar seperti Sahih Muslim, Sunan al-Tarmidhi dan Sunan Abu Dawud:

“Solat itu terputus oleh wanita, keldai dan anjing.” (Riwayat Muslim)

Banyak pihak yang menggunakan hadis ini sebagai bukti ajaran Islam menyamakan kaum wanita dengan haiwan seperti keldai dan anjing terutamanya golongan yang memperjuangkan ideology feminisme dan golongan anti-hadis. Aktivis-aktivis feminisme yang menekankan hak kesamarataan antara lelaki dan wanita menggunakan ayat ini sebagai dalil bahawa agama Islam merendahkan martabat wanita. Menurut Norhasnira Ibrahim dan lain-lain, hadis sebegini boleh dilabelkan sebagai hadis misogini atau anti-wanita. Menurut sebuah kajian, tidak sampai 0.5% daripada jumlah keseluruhan hadis dalam kitab Sahih Bukhari bersifat misogini (Hamisan & Dahlan, 2017).



Rajah 3: Anggota perhimpunan feminisme membawa sepanduk 'Feminisme Untuk Semua'

Versi yang sempurna bagi hadis di atas adalah tentang penekanan untuk meletakkan sutrah atau hadangan di hadapan orang yang bersolat agar mengelakkan kejadian melintas di hadapan orang yang bersolat seperti mana yang terdapat dalam *Sahih Muslim*:

Sabda Rasulullah SAW: Solat akan terputus disebabkan oleh wanita, keldai dan anjing. Oleh itu, letakkanlah penghadang (di hadapannya) sepanjang pelana haiwan tunggangan.³ (Sahih Muslim, 4: 1034)

Dalam beberapa kitab hadith yang muktabar seperti Sunan Abu Dawud dan Sunan al-Nasa'i, terdapat hadith lain yang berkait rapat dengan hadis di atas yang memperincikan ehwal wanita sebagai penyebab terputusnya solat. Ibnu Abbas RA telah meriwayatkan terputusnya solat adalah disebabkan wanita berada dalam keadaan haid

Sabda Rasulullah SAW: Solat akan terputus disebabkan oleh anjing hitam dan wanita dalam keadaan haidh.⁴ (Sunan Abu Dawud, 2: 703; Sunan al-Nasa'i, 1: 9: 752)

Kesalahan mengambil frasa dalam hadis secara tekstual dan bukan kontekstual menyebabkan orang awam membuat tafsiran yang salah terhadap hadis berkenaan terputusnya solat. Perbuatan tidak merujuk kepada banyak sumber lain dalam menghuraikan hadis menyebabkan sesetengah pihak yang manipulatif menggunakan kandungan hadith untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Salah Faham Fadhilat Puasa Bulan Rejab

³ Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj, "Sahih Muslim," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.

⁴ Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath, *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t.

Menjejak sahaja ke dalam bulan Rejab, rata-rata mula berkongsi di media sosial masing-masing tentang fadilat yang boleh diperolehi dengan melakukan ibadah mudah dan memperoleh ganjaran pahala yang besar.



Rajah 4.1: Petikan akhbar tentang hadith palsu pada bulan Rejab.

Sumber: Fady Samsudin, (2018).

Melalui petikan akhbar tersebut, antara hadith popular yang tersebar di Malaysia ialah kelebihan berpuasa pada bulan Rejab yang menjanjikan ganjaran besar seperti diampunkan dosa selama-lamanya. Ramai yang mempercayai hadith tersebut dan mengikutinya. Walau bagaimanapun, tiada sebarang hadith sahih yang menyokong tentang kelebihan berpuasa pada bulan Rejab ini. Dr. Arief Salleh Rosman (2018) mengatakan bahawa hadith ini adalah dalam kategori hadith *maudhu'*. Amalan ini dikatakan bermula dari zaman Jahiliah yang sangat mengagungkan bulan Rejab sehingga mereka menjadikan bulan Rejab sebagai bulan perayaan. "Ibnu Hajar al-'Asqalani juga menjelaskan tentang larangan berpuasa sebulan penuh pada bulan Rejab kerana amalan tersebut seperti amalan orang Arab Jahiliah yang begitu mengagungkan bulan Rejab.

Namun, tidak menjadi kesalahan untuk berpuasa sunat seperti bulan lain dan pastinya mendapat ganjaran pahala. Umpamanya berpuasa sunat pada hari Isnin dan Khamis, serta puasa sunat tiga hari dalam sebulan dan puasa sunat tiga hari *ayyamul bidh* (13,14 dan 15 hb hijrah setiap bulan) dan lain-lain.

PENUTUP

Berdasarkan penulisan di atas, dapatlah dilihat bahawa masih terdapat dari mana-mana kelompok masyarakat yang tidak dapat memahami maksud hadith dengan baik. Ini adalah disebabkan mereka memahami maksud hadith secara zahirnya sahaja tanpa melihat kepada maksud konteks hadith yang sebenar.

Mereka juga gagal merujuk kepada penjelasan para ulama terhadap huraian sesuatu hadith yang boleh didapati dari mana-mana kitab syarah hadith seperti *Fath al-Bari*, *Syarah Sahih Muslim*, dan juga kitab-kitab syarah hadith yang lain sama ada terdahulu dan semasa. Mereka juga tidak merujuk kepada ulama yang ada yang pakar dalam bidang hadith dan juga bidang-bidang yang lain. Mereka hanya mengambil jalan mudah dengan hanya melihat kepada terjemahan zahir kepada sesuatu hadith tanpa memahami pendetailannya.

Berdasarkan penulisan ini juga dapatlah disimpulkan bahawa pengajian hadis dalam kalangan masyarakat adalah amat penting dan tidak boleh diabaikan. Kita tidak boleh memandang ringan berkenaan hal ini kerana kesalahan dalam memahami hadis akan mengakibatkan kita terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar dan semakin jauh daripada sunnah Rasulullah saw. Kesemua salah faham tersebut dapat diperbetulkan dengan pendedahan ilmu hadith yang perlu diambil berat oleh seluruh lapisan masyarakat.

Penulisan di atas hanya sebahagian sahaja dari salah faham masyarakat terhadap hadith-hadith Rasulullah saw. Banyak lagi isu-isu lain yang tidak dijelaskan di sini berkenaan perkara tersebut disebabkan keterbatasan kajian seperti mempercayai bumi ini datar, salah faham terhadap fadhilat amalan, isu Kassim Ahmad dan lain-lain. Adalah amat diharapkan dari hasil penulisan ini, dapat menjadi rujukan untuk umat Islam bagi merungkai dan menyelesaikan segala kesilapfahaman masyarakat terhadap beberapa isu sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

RUJUKAN

Al-Syatibi, Ibrahim ibn. Musa, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.

Asnawi Haji Ehsan, 2003, *Ilmu Hadis: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam* Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 157

Ahmad Sanusi Azmi, Zulhilmi Mohamed Nor, Mohd Norzi Nasir, (2017) *Kekeliruan Dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal*, Universiti Sains Islam Malaysia.

'Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Makanatuha fi al-Tasyri'*. T.t. dan t.t.p.

'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987.

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath, *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.

Ahmad, K., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. F. (2015). *Salah Faham Terhadap Istilah "Makanan Sunnah" dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis*. Universiti Malaya: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammd ibn Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.

Faisal Ahmad Shah Mohamad, Hasbullah Salim (2008), Pengaruh Sahih al-Bukhari dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis dari Aspek Pengajaran, Penulisan dan Penterjemahan, *Jurnal Perspektif* Jil. 2 Bil. 2 (1-17) ISSN 1985 - 496X.

Hasliza Hassan (2019), Pelajari Hadis Perlu Berguru Elak Salah Tafsir, Rencana Agama, *Berita Harian*, 14 Oktober 2019

Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad ibn ‘Ali, Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, c. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, Sunan Ibn Majah. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, 1994.

Ibn Rajab al-Hanbali, ‘Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din ibn Ahmad ibn Rajab al-Hanbali, *Jami‘ al-‘Ulum wa al-Hikam*. Beirut: Dar al-Khayr, 1993.

Mohammad Mustaqim bin Malek (2019), Habbatus Sauda’ Penawar Penyakit?, *Utusan Malaysia*, 15 Julai 2019.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), *Irsyad Al-Qari’*: Bi Syarhi Mukhtasar Sahih Al-Bukhari, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2019), *Bayan Linnas Siri Ke-165: Lalat Dalam Al-Quran Dan Al-Hadith: Amthal, Kajian Saintifik Dan Jawapan Terhadap Salah Faham*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Malaysia.